

# Azimat



AA AA A

## Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara @2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1615-5

## Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura  
Lelaman Internet: [www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg)



## Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd  
Tel: 6748 3898  
[www.oxfordgraphic.com.sg](http://www.oxfordgraphic.com.sg)

## Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura  
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng  
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunos  
Nazarudin Abdul Bakar, Sekolah Menengah Bedok View  
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

## Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

## Sekapur Sirih

**Rahsia** merupakan antara koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau, Indonesia pada tahun 2016. Cerpen ini dihasilkan bagi menggalakkan pelajar agar minat membaca khususnya dalam kalangan pelajar Menengah 1 dan 2.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, pelajar mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa pelajar yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata pelajar memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Rahsia** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Selamat membaca!

## Mohamed Noh Daipi

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

## Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dalam cerpen ini termasuklah tema kesabaran, pengorbanan, keinsafan, saling membantu, perjuangan, kasih sayang dan pencemaran alam.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan pelajar kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi pelajar.

Sekian.

Rahmat Subadah  
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Rahsia**

AZIMAT

**Rahmat Subadah**

**S**udah seminggu aku berada di Pekanbaru, Riau, Indonesia. Aku sedang mengikuti Program Lawatan Sambil Belajar selama dua minggu anjuran sekolahku. Selama di Pekanbaru, aku dan rakan-rakan tinggal di Hotel SwissBerlin.

Sejak hari pertama di Pekanbaru, aku melihat seorang tua menjual Mi Bakso di hadapan hotel. Pada hari kedua, aku mengajak kawanku untuk melihat-lihat kawasan di hadapan hotel setelah dibenarkan oleh Cikgu.

“Apa yang Bapak jual di sini?” Aku sengaja menggunakan panggilan ‘Bapak’ kepada lelaki tua yang berjualan. Papan tanda ‘Mi Bakso’ terpapar di

dinding kereta sorongnya. Panggilan ‘Bapak’ merupakan panggilan umum bagi golongan yang lebih tua. Itu yang aku pelajari semalam daripada rakanku di Sekolah Menengah Pertama Negeri 10.



“Bapak menjual bermacam-macam mi, nak. Ada mi bakso daging, ekor, perut, ayam dan kambing. Anak mahu makan apa?” tanya lelaki tua itu.

“Tidak. Kami hanya bertanya sahaja,” kataku. Aku dan rakan-rakan **meninjau-ninjau** kawasan di hadapan hotel yang dipenuhi pelbagai kereta sorong yang menjual aneka makanan dan barang.

Orang tua itu tersenyum membiarkan kami berlalu. Sambil berjalan, aku terfikir. Bagaimana orang tua itu mencari rezeki sedangkan begitu banyaknya pegerai-pegerai lain yang menjual pelbagai makanan di situ?

Pada hari ketiga aku melihat orang tua yang sama di hadapan hotel. Sedikit sekali pelanggan yang mengunjungi gerainya. Bagaimana dia mendapat rezeki?

Setiap kali dia menerima wang bayaran daripada pelanggannya, dia mengangkatkan kedua tangannya ke langit tanda syukur. Melihat keadaannya itu, **terdetik** dalam hatiku untuk memberikannya wang seratus ribu rupiah. Aku teringat pesanan Ayah, “Jika ada wang lebih, berbuat baiklah pada orang lain. Bantulah seadanya.”



Sebenarnya, bukan aku sahaja yang berasa hiba melihat keadaan lelaki tua itu. Rakan-rakan aku juga begitu. Pada hari keempat, aku bertekad ingin memberikan wang seratus ribu rupiah kepadanya.

“Maaf, nak. Bapak tidak boleh menerimanya. Bapak berdagang dan bukan meminta-minta. Daripada jualan bakso ini saya boleh menyekolahkan dua anak perempuan saya walaupun ada kalanya saya meminjam wang daripada jiran tetangga. Tuhan tidak tidur, nak. Yang penting jangan mengeluh. Selalu bersyukur dan berusaha. Mudah-mudahan saya boleh membesarakan anak-anak saya dan menyekolahkan mereka setinggi yang mungkin.”

Aku **terpegun**. Kata-kata orang tua itu bagaikan **azimat** yang membuatkan aku insaf. Aku merenung jauh. Selama ini, aku selalu meremehkan usaha Ayah dan keluarga. Aku selalu meminta itu dan ini daripada Ayahku yang bekerja sebagai seorang pegawai keselamatan.

Tiga minggu yang lalu, aku meminta Ayah membelikan aku telefon bimbit dan komputer riba baharu. Aku katakan bahawa aku memerlukan alat-alat tersebut. Ayah seperti selalu tidak banyak cakap. Sehari sebelum aku berangkat ke Pekanbaru, Ayah menghadiahiku sebuah telefon

bimbit dan komputer riba baharu. Ayah juga menyerahkan segulung wang rupiah buat perbelanjaanku.

Tidak terasa air mata mula bergenang. Aku mengesat air mataku. Aku memohon maaf dan mengucapkan terima kasih kepada lelaki tua itu. Lelaki tua penjual bakso itu kelihatan **bingung** kerana aku mengucapkan terima kasih kepadanya.

Malam itu di hotel, aku duduk di hadapan komputer. Jari-jariku mula menaip e-mel yang bakal aku kirimkan kepada Ayah. Banyak sekali perkara yang ingin aku sampaikan kepada Ayah. Namun aku tidak mampu menyampaikan rasa hatiku melalui mulut. Ya, satu-satunya cara adalah dengan menuulis e-mel kepada Ayah.



Pekanbaru, Riau 14 Mac 2017  
Ke hadapan Ayahanda yang tersayang  
Salam sejahtera.

Apa khabar, Ayah? Semoga Ayah dalam keadaan sihat sejahtera. Begitu juga dengan Ibu, Abang Rizman, Abang Raihan dan Kak Raudah. Semoga Ayah dan keluarga dalam lindungan Allah sentiasa.

Mungkin Ayah terperanjat menerima e-mel ini. Biasanya, jika ada hal yang penting, Ramdan akan terus menelefon Ayah secara langsung. Namun, Ramdan tidak mempunyai keberanian untuk menyampaikan hasrat hati Ramdan kepada Ayah secara lisan.

Pasti Ayah tertanya-tanya mengapa Ramdan **mengutus** e-mel ini. Tujuan Ramdan mengirim e-mel ini adalah yang pertama, Ramdan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ayah. Ayah tentu bertanya mengapa perlu mengucapkan terima kasih pada saat ini.

Ramdan sedar bahawa Ayah, Ibu, kakak dan abang-abang yang lain sayang pada Ramdan. Sungguh tidak ternilai kasih sayang yang Ayah dan keluarga berikan kepada Ramdan. Terutama sekali Ayah.

Ayah tidak pernah menolak dan menghampaskan permintaan Ramdan. Tiga minggu sebelum Ramdan bertolak ke Pekanbaru, Ramdan minta dibelikan telefon bimbit dan komputer riba baharu. Ketika itu, Ayah tidak

memberikan jawapan. Ayah cuma berkata, "Ramdan, Ayah tak janji tapi Ayah akan cuba."

Ayah sanggup memenuhi permintaan Ramdan untuk mendapat telefon bimbit dan komputer riba yang baharu. Ramdan gagal untuk menyedari bahawa Ayah bekerja sebagai pegawai keselamatan. Kakak dan abang-abang pula masih bersekolah. Ramdan benar-benar percaya mungkin Ayah berhutang atau bekerja lebih waktu untuk membelikan barang-barang yang Ramdan minta. Patutlah, sejak tiga minggu yang lalu Ayah selalu pulang lewat. Ramdan minta maaf kerana menyusahkan Ayah.

Ramdan kesal kerana mengambil mudah usaha yang Ayah lakukan untuk menggembirakan Ramdan. Nasihat Ayah yang selalu menyuruh Ramdan berbuat baik pada orang lain telah menyedarkan Ramdan. Ramdan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh dan belajar setinggi mana yang Ramdan mampu. Ramdan akan memberikan tumpuan sepenuhnya dalam pelajaran. Tolong doakan Ramdan agar Ramdan menjadi anak yang baik, ya Ayah.

Sebelum mengakhiri e-mel ini, sekali lagi Ramdan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ayah. Ramdan akan sentiasa ingat pesan dan jasa baik Ayah selama ini.

Mudah-mudahan Tuhan melindungi Ayah selalu. Amin  
Wassalam.

Yang selalu merinduimu, anakmu  
Ramdan Mansur

### **Renungan**

Sering kali kita tidak mengambil peduli orang-orang yang dekat dengan kita setiap hari seperti ayah, ibu dan adik-beradik. Kita selalu meremehkan kehadiran mereka.

Apakah renungan kamu mengenai sikap Ramdan dalam cerpen ini?

## Glosari

1. **meninjau-ninjau** – datang atau berkunjung untuk mengetahui, mencari, mengenal pasti sesuatu yang belum pasti kedapatannya
2. **terdetik** – terlintas dalam hati
3. **terpegun** – kaku dan tidak dapat berkata-kata atau bergerak (kerana terperanjat dll)
4. **azimat** – sesuatu yang dianggap sakti, mempunyai kuasa luar biasa dan ajaib
5. **bingung** – tidak tahu apa yang hendak dibuat, gugup
6. **mengutus** – mengirim

## SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.





Ministry of Education  
SINGAPORE

